

# **BAB 5**

## **BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN.**

### **5.0 PENDAHULUAN.**

Setelah empat bab yang dibincangkan oleh penulis maka bab yang kelima ini merupakan bab yang terakhir bagi menyiapkan disertasi ini. Di dalam bab ini penulis membuat rumusan kepada kajian yang bertajuk **Penguasaan Maşdar : Satu Kajian Di Kalangan Pelajar Bahasa Arab Di IPTS Perak.** Segala rumusan dan cadangan berdasarkan data analisis yang diperolehi mengikut instrumen-instrumen yang telah digunakan oleh penulis untuk menghasilkan dapatan kajian.

### **5.1 RUMUSAN.**

Berdasarkan data-data yang telah dibentangkan dalam bab lalu dan analisis ke atas kertas ujian dan borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar di samping temubual yang dijalankan kepada para pensyarah, penulis dapat membuat rumusan. Rumusan ini dibuat bagi memenuhi kehendak objektif kajian di mana jawapan yang diperolehi oleh penulis adalah berdasarkan persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh penulis dalam bab yang pertama. Terdapat tiga perkara yang akan dibentangkan dalam bab ini.

#### **5.1.1 Berkaitan Pembelajaran Maşdar di Kolej Islam Darul Ridzuan.**

Melalui tinjauan terhadap sukatan pelajaran, tempoh pembelajaran serta hasil dapatan dari temubual bersama pensyarah penulis membuat tiga kesimpulan berkaitan pembelajaran Maşdar di lokasi kajian iaitu:

1. Penulis merumuskan bahawa pembelajaran tajuk maşdar adalah amat terhad.

Mengikut sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh pihak Kolej pelajar hanya

diberikan 5 jam kontek pertemuan iaitu untuk mempelajari bab ini, Mengikut jadual yang ditetapkan setiap kelas dijalankan selama 3 kelas atau semester. Ini bermakna 3 kelas perlu dihadiri oleh pelajar untuk mempelajari bab ini.

2. Tajuk-tajuk yang dipelajari dalam bab ini juga tidak menyeluruh iaitu:
  - a. Maşdar thulāthī mujarrad
  - b. Maşdar thulāthī mazīd (12 wazan)
  - c. Maşdar ghayr thulāthī
    - i. Maşdar rubā‘ī
    - ii. Maşdar khumāsi
  - d. Maşdar Sinā‘ī.
  - e. Maşdar Mīmī.
3. Di samping tajuk yang banyak dan waktu pembelajaran yang singkat juga menjadi faktor kelemahan pelajar di mana pelajar perlu menghafaz dan memahami dalam kadar waktu yang tidak mencukupi seterusnya menyebabkan penurunan minat terhadap tajuk ini.
4. Walaupun banyak namun ianya terhad kerana pelajar tidak diberikan kefahaman yang menyeluruh berkaitan bab-bab yang terdapat di dalam maşdar mengikut sukatan yang diberikan. Bab-bab yang menyeluruh mengikut pendapat penulis adalah berkaitan perbezaan maşdar dengan isim-isim yang lain, hubungan maşdar dengan beberapa isim seperti maf’ul muṭlaq dan sebagainya serta fungsi-fungsi maşdar apabila dikaitan dengan isim-isim yang lain.

### 5.1.2 Berkaitan kelemahan pelajar penguasaan ilmu Maṣḍar:

Berdasarkan dapatan kajian melalui kertas ujian yang diberikan kepada pelajar, penulis dapat merumuskan bahawa:

- i) Pelajar tidak dapat menguasai ilmu maṣḍar dengan baik
- ii) Pelajar tidak dapat menguasai pola-pola maṣḍar dengan sempurna
- iii) Pelajar tidak dapat membezakan pola-pola maṣḍar yang bersesuaian dengan kata akar sesuatu fi‘il
- iv) Pelajar tidak dapat mengemukakan maṣḍar yang tepat bagi satu satu fi‘il
- v) Pelajar mengalami masalah lupa terhadap bentuk maṣḍar terutama bagi fi‘il thulāthī mujarrad.
- vi) Pelajar tidak dapat mengeluarkan asal sesuatu maṣḍar kepada fi‘il māḍi
- vii) Sukar mengingat pola-pola maṣḍar yang sesuai untuk sesuatu fi‘il
- viii) Keliru membezakan maṣḍar qiyāsī dan simā’ī
- ix) Sukar memberikan makna sebenar bagi sesuatu maṣḍar berdasarkan kelemahan memberi makna asal fi‘il sesuatu maṣḍar
- x) Keliru dengan pola maṣḍar Mīmī
- xi) Keliru dengan huruf imbuhan yang terdapat pada fi‘il
- xii) Kurang menguasai makna-makna fi‘il yang terdiri dari fi‘il thulāthī mazīd sama ada rubā’ī, khumāsī dan sudāsī.

### 5.1.3 Punca-punca kelemahan.

Punca-punca ini dikenalpasti berdasarkan ketiga-tiga instrument yang digunakan penulis dalam kajian iaitu borang soal selidik, kertas ujian serta temubual bersama

pensyarah yang mengajar topik tersebut. Penulis mendapati bahawa segala kelemahan yang dihadapi dalam kalangan pelajar adalah berpunca dari perkara-perkara berikut:

- i) Kurang menghafaz kalimah-kalimah maṣḍar bagi sesuatu fi‘il.
  - a. Dapatan kajian menunjukkan bahawa para pelajar kurang menghafaz kalimah-kalimah BA terutamanya maṣḍar di mana sebahagian pelajar tidak mampu mengeluarkan maṣḍar yang terbina dari fi‘il thulāthī mujarrad.
  - b. Ini adalah kerana maṣḍar bagi fi‘il tersebut adalah maṣḍar simā’ī di mana tidak boleh ditimbang mengikut wazan yang tertentu dan hanya dapat diperolehi dari kamus-kamus atau mu’jam yang mana dikumpul dari pertuturan dan penulisan Arab.
  - c. Anggapan ini menjadi lebih jelas apabila pelajar tidak dapat mengeluarkan asal sesuatu maṣḍar kepada fi‘ilnya yang sesuai. Keadaan ini berlaku adalah berpunca dari kelemahan pelajar terhadap menghafaz kalimah-kalimah tersebut.
- ii) Kurang peka terhadap perubahan maṣḍar berdasarkan fi‘il.
  - a. Penulis membuat rumusan demikian atas analisis yang diperolehi. Terdapat kekeliruan berlaku di mana pelajar tidak dapat menentukan secara tepat pola maṣḍar bagi sesuatu fi‘il yang berubah pada bilangan huruf, bentuk dan baris.
  - b. Ini adalah kerana pelajar tidak peka tentang perubahan huruf yang berlaku dan pola-polanya yang tertentu.
- iii) Kurang membaca dan mengenal pasti maṣḍar dalam bahan bacaan.

- a. Pembacaan yang terhad menyebabkan pelajar tidak dapat memperolehi banyak perkataan. Ini jelas apabila hasil kajian terhadap borang soal selidik melampirkan bahawa terdapat pelajar yang hanya membaca kitab-kitab kuliah sahaja sebagai bahan bacaan untuk menguasai BA.
  - b. Pembacaan yang terbatas menyebabkan pelajar kurang didedahkan dengan kalimah-kalimah BA terutama yang berkaitan maşdar.
  - c. Kekurangan bacaan ini juga berpunca dari masalah sikap terhadap bahasa itu sendiri.
- iv) Kurang menggunakan kemudahan lain dalam memahami BA.
- a. Kemudahan yang dimaksudkan adalah seperti melayari laman web BA atau menonton program BA.
  - b. Seperti bahan bacaan, alat-alat elektronik ini dapat membantu pelajar untuk melihat penggunaan maşdar dalam beberapa arahan atau pernyataan yang terdapat dalam alat ini.
  - c. Kekurangan ini adalah berpunca dari sikap pelajar itu sendiri.
- v) Pembelajaran maşdar tidak mencukupi.
- a. Dari satu sudut yang lain pula penulis mendapati bahawa pembelajaran berkaitan maşdar adalah sangat terbatas.
  - b. Ini adalah kerana pengajaran yang dijalankan di pusat pengajian berkenaan mengikut sukatan yang telah ditetapkan.
  - c. Sukatan-sukatan tersebut terdiri dari beberapa tajuk yang perlu dipelajari pelajar sekaliannya.

- d. Oleh yang demikian ini menyebabkan pembelajaran berkaitan maṣḍar terbatas oleh kerana tenaga pengajar terpaksa menyelesaikan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh institusi pendidikan berkenaan.
- vi) Tempoh pembelajaran yang singkat.
  - a. Apabila terdapat beberapa tajuk yang perlu dipelajari oleh pelajar dalam sesuatu semester atau satu tempoh pengajian, maka tenaga pengajar perlu membuat pembahagian waktu bagi menerangkan sesuatu tajuk atau topik selari dengan waktu pembelajaran yang diberikan.
  - b. Berpunca dari itu ia menyebabkan tenaga pengajar terpaksa membataskan waktu pembelajaran bagi tajuk ini seterusnya menyebabkan guru tersebut tidak dapat mengajar ilmu maṣḍar secara menyeluruh dan terpaksa dipilih untuk mencapai sasaran sukatan pelajaran dihabiskan mengikut tempoh.
- vii) Kelemahan menguasai ilmu ṣaraf.
  - a. Penulis merumuskan bahawa diantara punca kelemahan ini adalah kerana pelajar tidak dapat memahami ilmu ṣaraf dengan baik
  - b. Ilmu ṣaraf yang dimaksudkan di sini adalah ilmu berkaitan derivasi sesuatu fi'īl dari segi penambahan huruf imbuhan yang mempengaruhi makna sesuatu kalimah.
  - c. Dengan demikian itu ia mempengaruhi pelajar untuk tidak mampu menterjemah atau memberi maksud sesuatu maṣḍar dengan maksud yang tepat mengikut konteks ayat.
- viii) Masalah sikap.

- a. Ini merupakan punca utama yang perlu diperhatikan terhadap pelajar. Penilaian ini dapat dilihat dengan merujuk kepada dapatan kajian berkaitan dorongan, minat, kefahaman dan menyertai aktiviti-aktiviti berkaitan BA.
  - b. Berpunca dari tidak minat maka ia menimbulkan rasa malas dan tidak cenderung untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang berkaitan.
  - c. Selain dari minat, kefahaman terhadap kepentingan mempelajari BA juga memberi saham kepada pelajar untuk terlibat atau memberi motivasi kepada pelajar untuk mendalami ilmu bahasa ini.
- ix) Tidak faham penggunaan maṣḍar dalam penulisan dan pertuturan.
- a. Disebabkan kekurangan di atas maka ia mencetuskan ketidak fahaman pelajar terhadap ilmu berkaitan maṣḍar seterusnya menyebabkan pelajar tidak minat untuk menggunakannya dalam penulisan dan pertuturan.
- x) Kemudahan yang lain.
- a. Hasil dari temubual dengan para pensyarah atau tenaga pengajar di antara faktor yang menyumbang kepada kelemahan pelajar terhadap tajuk ini adalah kerana kekurangan kemudahan lain.
  - b. Kemudahan yang di maksudkan adalah makmal bahasa di mana pensyarah tidak dapat mempelbagaikan sistem penyampaian dan pengajaran dengan lebih menarik dan efektif.
  - c. Walaupun terdapat kemudahan lain seperti penggunaan LCD projektor dan beberapa peralatan elektronik yang lain disediakan namun disebabkan bilangannya yang terhad dan terpaksa di ambil sendiri oleh pensyarah dari tempat simpanan dan di bawa ke kelas menyebabkan penggunaanya di dalam pengajaran dan pembelajaran di tahap yang minimum.



## **5.2. CADANGAN.**

Melalui penelitian dan analisis yang dilakukan maka terdapat beberapa cadangan dari penulis bagi membantu pembelajaran maṣḍar yang dijalankan di Kolej Islam Darul Ridzuan dengan lebih berkesan. Antara cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

### **5.2.1 Memperbaiki sukatan pelajaran.**

Iaitu penulis berpendapat bahawa pembelajaran berkaitan maṣḍar perlu diberi keutamaan iaitu dengan menambah beberapa elemen-elemen penting dalam pembelajaran tajuk ini. Elemen-elemen yang dimaksudkan termasuklah pengajaran secara menyeluruh dengan tajuk-tajuk yang berkaitan agar pelajar lebih faham dan dapat mengaplikasikannya dalam penulisan dan pertuturan.

Demi melaksanakannya satu tempoh pembelajaran yang sesuai perlu digubal bagi memberikan masa yang mencukupi untuk para pensyarah mengupas tajuk berkaitan maṣḍar dengan lebih luas dan terperinci. Ini boleh meningkatkan kefahaman pelajar terhadap tajuk tersebut seterusnya membantu pelajar menguasai BA ini.

### **5.2.2 Memberikan pendedahan yang lebih kepada pelajar.**

Pendedahan ini terutamanya berkaitan maṣḍar simā'ī iaitu dengan membanyakkan pencarian di dalam kamus dan buku-buku Arab. Ini adalah kerana pendedahan yang kurang menyebabkan pelajar tidak tahu atau mengingati maṣḍar simā'ī ini.

Antara bentuk maṣḍar yang perlu diambil perhatian yang lebih iaitu maṣḍar yang terbina dari thulāthī mujarrad. Maṣḍar ini seperti yang telah dimaklumi bahawa amat kurang bagi plot maṣḍar ini yang terbina dengan sistem qiyāsī.

Di samping itu juga tenaga pengajar dapat menunjukkan perbezaan yang terdapat pada plot-plot maṣḍar sama ada dari qiyāsī atau simā'ī. Perbezaan yang jelas ini dapat membantu pelajar mengingati plot-plot ini dengan lebih faham.

### **5.2.3 Menimbulkan minat.**

Bagi merealisasikan kefahaman terhadap tajuk ini terlebih dahulu pensyarah atau tenaga pelajar perlu menaikan semangat dan minat serta kepentingan mempelajari BA. Ini adalah kerana dengan minat dan kefahaman pelajar terhadap BA akan mendorong para pelajar ini mendalami kaedah dan nahu BA.

Di samping itu juga para perlu didedahkan dengan peluang-peluang yang akan dapat di capai oleh para pelajar sekiranya menguasai bahasa ini seterusnya membuka minda pelajar tentang kelebihan yang diperolehi oleh individu yang menguasai bahasa al-Quran ini.

### **5.2.4 Menerapkan sistem hafalan.**

Di mana setiap fi'il yang dijumpai ditasrifkan dengan tasrif yang telah dipelajari termasuk maṣḍar. Ini dapat membantu agar pelajar dapat mengenal maṣḍar yang terbentuk dari fi'il-fi'il tersebut.

Melalui hafazan ini juga dapat membantu pelajar untuk menambah perbendaharaan kata dengan cepat dan dapat gambaran lebih luas berkaitan plot-plot maṣḍar.

### **5.2.5 Menerapkan penggunaan maṣḍar dalam pengajaran.**

Iaitu pelajar lebih di dedahkan penggunaan maṣḍar tidak hanya pada hari pembelajaran tajuk berkenaan. Ini adalah kerana kebiasaan dalam pengajaran contohnya membuat ayat seperti karangan atau ayat pendek pelajar lebih didedahkan dengan penggunaan kata kerja sahaja iaitu hamper 70% dalam pengajaran cenderung untuk menggunakan kata kerja dalam penulisan.

Penggunaan maṣḍar yang kerap dalam pembelajaran dapat membantu pelajar menyusun ayat sama ada dalam penulisan atau pertuturan dengan lebih dinamik dan tidak tertumpu kepada kata kerja sahaja.

Penggunaan maṣḍar yang kurang ini menyebabkan tahap kepekaan pelajar terhadap maṣḍar ini menjadi kurang dan asing bagi pelajar.

### **5.2.6 Membuat latih tubi.**

Di mana pelajar diberikan latihan untuk menukar plot-plot maṣḍar berdasarkan fi‘il-fi‘il yang diberikan. Ini dapat membantu pelajar untuk mengingati plot-plot ini dan faham akan kegunaannya.

Latihan yang diberikan perlu dibuat dengan system ‘taqallubat’ iaitu dari fi‘il kepada maṣḍar dan dari maṣḍar kepada fi‘il. Dengan latihan ini dapat menjelaskan huruf-huruf imbuhan yang terdapat pada fi‘il memberi kesan kepada bentuk maṣḍarnya.

### **5.2.7 Penerangan yang jelas.**

Bagi mendapat kefahaman yang jelas dari pelajar, tenaga pengajar perlu memberi penerangan yang jelas berkaitan tajuk ini. Penerangan yang dimaksudkan termasuklah penerangan dari sudut binaan maṣḍar, makna maṣḍar dan penggunaannya. Penerangan yang jelas ini perlu untuk membolehkan pelajar faham seterusnya mengaplikasikannya dalam pembelajaran mereka.

Antara kaedah yang dapat digunakan oleh tenaga pengajar ialah membuat graf yang jelas bagi menggambarkan binaan maṣḍar ini. Manakala untuk penerangan berkaitan makna pensyarah boleh menyusun ayat yang terbina dari maṣḍar dan menunjukkan contoh-contoh penggunaannya.

### **5.2.8 Membezakan plot-plot maṣḍar.**

Melalui pembezaan ini pelajar dapat mengenal plot-plot maṣḍar sama ada thulāthī, rubā‘ī, khumāsi dan sudāsi. Perbezaan ini akan lebih jelas apabila pelajar dapat mengenal huruf-huruf imbuhan yang terdapat pada sesuatu fi‘il yang menyebabkan plot maṣḍarnya berlainan dengan fi‘il yang lain.

Bagi menguasai bab ini seharusnya pelajar telah didedahkan dengan ilmu saraf khususnya tasrif yang melibatkan kalimah fi‘il yang terbina dengan huruf imbuhan.

### **5.2.9 Memberi penekanan pada tajuk ini dalam pembelajaran.**

Satu sukatan yang lebih baik perlu digubal di manaia memberi tempoh yang lebih lama dalam pembelajaran bab ini. Ini kerana tempoh yang singkat dan penekanan yang kurang menyebabkan pelajar tidak begitu peka akan kepentingan maṣḍar ini.

Di samping sebagai tajuk yang penting dalam pembelajaran BA ia juga merupakan tajuk yang sukar difahami sekiranya tiada tumpuan yang lebih diberikan.

### **5.3 Penutup.**

Setelah penulis mengemukakan kajian dan analisis berkaitan pembelajaran maşdar ini dapat menunjukkan kelemahan-kelemahan yang dihadapi oleh pelajar berdasarkan beberapa faktor dan punca permasalahan.

Oleh yang demikian beberapa cadangan telah diberikan oleh penulis bagi mengatasi kekurangan yang timbul dari semua pihak. Ini adalah kerana ia melibatkan 3 aspek iaitu kelemahan dari pelajar, sistem pembelajaran dan sukatan pelajaran.

Justeru itu bagi mengatasi permasalahan ini semua pihak yang terbabit perlu memainkan peranan bagi mengatasi kelemahan seterusnya meningkatkan tahap kefahaman pelajar terhadap BA secara umumnya dan tajuk maşdar secara khusus.

Penyelesaian ini meliputi aspek-aspek persediaan pelajar dari segi mental, penyediaan bahan pengajaran yang efektif dan menarik seterusnya sukatan pelajaran yang memenuhi keperluan dalam satu-satu pembelajaran.

Kekurangan dari salah satu dari aspek ini menjerumuskan pelajar kepada kelemahan yang seterusnya menghasilkan satu pembelajaran yang tidak kualiti. Maka terhasillah graduan yang hanya memiliki sijil tetapi tidak memiliki ilmu yang mantap.